

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HGT 211 Teknik-Teknik dalam Geografi I

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM SEMBILAN [9] HALAMAN.

Jawab LIMA [5] soalan, SEMUA soalan daripada Bahagian A dan DUA [2] soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A - Jawab SEMUA soalan

1. [a] Apakah unjuran peta dan jelaskan ciri-cirinya?
[5 markah]
- [b] Jelaskan kaedah-kaedah untuk mengira keluasan sesuatu kawasan.
[4 markah]
- [c] i. Apakah morformetri fluvial?
[3 markah]
- ii. Jelaskan bentuk asas sesuatu pandang darat akibat kesannya daripada hakisan fluvial?
[3 markah]
2. [a] Jelaskan kaedah yang digunakan untuk menentukan interpolasi peta-peta permukaan jenis bersambung.
[2 markah]
- [b] Apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam kerja-kerja interpolasi?
[3 markah]

.../2

- [c] Bagaimana bilangan kelas mempengaruhi pola peta-peta koroplet? [3 markah]
- [d] Jelaskan dua kaedah untuk mencari jejari bulatan bagi peta-peta taburan. [4 markah]
- 3 [a] Apakah prinsip-prinsip kerja ukur rantai? [5 markah]
- [b] Mengapakah tikaian linear wujud dalam kerja ukur trabas kompas? [5 markah]
- [c] Jelaskan kepentingan garisan semak dalam kerja ukur menggunakan rantai. [3 markah]

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. Berdasarkan kepada peta topografi Malaysia, Parit Buntar, 1:50,000 siri L 7030, Lembar 3364, jawab soalan-soalan berikut.
- [a] i. Dengan menggunakan kaedah grafik atau matematik, tentukan bearing grid bagi G. Semanggol (969481) dari Kg. S. Gedong (909507). [5 markah]
- ii. Berdasarkan kepada bukti-bukti yang jelas dan dengan menggunakan bantuan satu gambarajah, bahagikan kawasan pada peta cabutan kepada kawasan-kawasan yang utama. Namakan kawasan-kawasan yang telah anda bahagikan itu. [5 markah]
- iii. Huraikan dan berikan sebab-sebab mengenai pembangunan pertanian yang terdapat di dalam peta cabutan. [10 markah]
- iv. Bincangkan corak sistem pengangkutan dalam peta cabutan. [10 markah]

.../3

5. Jadual 2.1 menunjukkan nilai perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara ASEAN yang lain pada tahun 1990.

Jadual 2.1

Negara	Import AS \$ Juta	Export AS \$ Juta
Brunei	1.0	85.0
Indonesia	316.0	342.0
Filipina	156.0	394.0
Singapura	4073.0	6751.0
Thailand	701.0	1032.0

- [a] Buat peta bagi statistik yang terdapat dalam jadual 2.1 pada rajah 1 untuk menggambarkan hubungan perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara ASEAN yang lain pada tahun 1990. [12 markah]
- [b] Apakah gambaran umum perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara ASEAN? [5 markah]
- [c] Apakah kelebihan dan kelemahan kaedah yang anda pilih? [8 markah]
- [d] Jelaskan satu kaedah lain bagi menggambarkan nilai perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara ASEAN. [5 markah]

6. Jadual 3.1 menunjukkan bilangan penduduk mengikut negeri di Semenanjung Malaysia.

Jadual 3.1

Negeri	1991
Johor	2,074,297
Kedah	1,304,800
Kelantan	1,181,680
Melaka	504,502
Negeri Sembilan	691,150
Pahang	1,036,724
Perak	1,880,016
Perlis	184,070
Pulau Pinang	1,065,075
Selangor	2,289,236
Trengganu	770,931
Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur)	1,145,075

- [a] Berdasarkan kepada jadual tersebut, lukiskan peta taburan (pada rajah 2) yang menunjukkan kepadatan penduduk negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.
[12 markah]
- [b] Apakah kelebihan dan kelemahan kaedah yang anda pilih?
[8 markah]
- [c] Apakah hubungan di antara ton warna atau ton lorekan dengan nilai-nilai dalam Jadual 3.1?
[5 markah]

[d] Jelaskan satu kaedah lain yang boleh digunakan untuk menggambarkan taburan penduduk Semenanjung Malaysia.

[5 markah]

7. [a] Rajah 3 menunjukkan lakaran sebahagian daripada sebatang sungai yang lebar. Titik A dan B telah ditetapkan sebagai stesen ukur.

i. Jika anda hanya mempunyai peralatan mengukur untuk kerja ukur rantai sahaja, apakah kaedah-kaedah yang berbeza yang akan anda gunakan untuk mengukur jarak AB.

[8 markah]

ii. Bagaimanakah anda dapat mengatasi halangan-halangan semasa melakukan kerja-kerja mengukur apabila menaiki dan menuruni cerun?

[7 markah]

[b] Jadual 4.1 adalah catatan untuk kerja ukur menggunakan kaedah trabas kompas.

Jadual 4.1

Garisan	bearing yang direkodkan
AE	219°
AB	119°
BA	301°
BC	171°
CB	348°
CD	228°
DC	50°
DE	330°
ED	150°
EA	40°


i. Berdasarkan kepada jadual tersebut, betulkan bearing-bearing yang dicerap supaya nilai pada satu garisan linear ialah 180°.

[10 markah]

- ii. Apakah yang dimaksudkan dengan trabas terbuka dan trabas tertutup? [2 markah]
- iii. Bagaimanakah sesuatu tikaian linear dalam kerja ukur trabas kompas boleh diperbetulkan? [2 markah]
- [c] Jelaskan kaedah-kaedah yang berbeza dalam kerja mengukur menggunakan meja ukur. [6 markah]

.../RAJAH 1

RAJAH 1



RAJAH 2

